

BERITA HARIAN

DATE: 23 / 12 / 2007

'Kawasan panas' terus diberi perhatian: PM

Kedah, Selangor dan Pulau Pinang tumpuan pilihan raya

Oleh Azmi Md Deros
dan Johari Ibrahim

ALOR STAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan akan terus memberi perhatian yang lebih kepada negeri tertentu yang dikaitkan sebagai 'kawasan panas' yang memerlukan penumpuan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, selain tiga negeri terbabit iaitu Kedah, Selangor dan Pulau Pinang seperti didakwa bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, tumpuan terhadap isu rakyat lain tetap diutamakan.

"Insya Allah, terima kasih atas pandangan Tun Daim. Kita akan terus beri perhatian kepada negeri itu (Kedah, Pulau Pinang dan Selangor) dan seluruh negara.

"Yang mana perlu perhatian lebih kita akan bagi lebih. Saya akan ambil pandangan Tun Daim itu," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat penempatan mangsa banjir da-

erah Kota Star di Sekolah Rendah Kebangsaan Gunung di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar semalam berhubung kenyataan Daim yang menyatakan Selangor, Pulau Pinang dan Kedah dikenal pasti sebagai 'kawasan panas' yang perlu diberi tumpuan oleh kerajaan menjelang pilihan raya umum.

Dalam temu bual eksklusif dengan akhbar *China Press*, Daim dilaporkan berkata, berdasarkan kepada maklum balas daripada orang ramai yang diperolehnya, kerajaan perlu memberi perhatian kepada penyelesaian isu semasa di negeri berkenaan sebelum pilihan raya umum.

Daim berkata, pola semasa menunjukkan ada rakyat, khususnya daripada golongan pendapatan sederhana di Selangor yang tidak gembira dengan sesetengah keputusan kerajaan.

Terdahulu Abdullah dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, menziarahi 371 mangsa banjir di daerah

Kota Star yang ditempatkan di sekolah berkenaan.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan isteri, Datin Seri Noraini Abdullah.

Abdullah turut menyampaikan belakan makanan kepada mangsa di pusat berkenaan.

Sehingga kelmarin, seramai 3,066 mangsa banjir di Kedah dipindahkan ke pusat pemindahan di daerah Padang Terap, Sik, Kota Star dan Kubang Pasu.

Bagaimanapun, selain mangsa di sekolah berkenaan yang dijadual pulang hari ini, semua mangsa lain sudah pulang ke rumah masing-masing kelmarin dan semalam apabila banjir mulai surut.

Dalam ucapannya, Abdullah mengucapkan terima kasih kerajaan kepada semua agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat yang turut membantu mangsa banjir.

Beliau menyifatkan bantuan mereka sebagai pengorbanan sempena Aidiladha kerana meluangkan masa serta tenaga membantu rakyat yang

ditimpa bencana.

"Kita melakukan korban pada Aidiladha dan bermacam-macam pengorbanan boleh dilakukan seperti masa, tenaga dan kesenangan semata-mata kerana perasaan ingin membantu," katanya.

Mengulas kenyataan Persatuan Pengguna Islam Malaysia mengenai bantuan kepada mangsa banjir tempatan, Abdullah berkata, bantuan kerajaan terhadap mangsa bencana di luar negara tidak menjejaskan kemampuan kerajaan untuk menolong rakyat sendiri.

Pengalaman tahun lalu di Johor saja, kita memberi bantuan lebih RM1 bilion, mana ada orang hendak bagi bantuan sebanyak itu. Banyak yang kita bantu (untuk) padi rosak, binatang mati dan rakyat juga membantu," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut berkata, kerajaan dan rakyat juga prihatin dengan nasib buruk rakyat negara lain yang menderita akibat bencana banjir dan gempa bumi.

BH- 23/12/2007